

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berharap Kompleks Pusat Islam yang dirasmikan oleh Tuanku Canselor ini akan menjadi pemangkin kepada pembinaan ilmu agama dan sahsiah pelajar universiti ini ke arah menjadi insan berpekerti mulia. Katanya, usaha sedang dijalankan bagi menjadikan Pusat Islam sebagai Model Pengurusan Organisasi Islam seiring dengan identiti UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka. Bagi mencapai hasrat itu beliau mengariskan Konsep 6K yang meliputi bidang keilmuan, kekeluargaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kesihatan termasuk memberi penekanan kepada aspek aqidah, syarak dan akhlak.

Menyentuh mengenai sejarah penubuhan Pusat Islam beliau berkata, ianya ditubuhkan pada tahun 1984 ketika itu dibawah Unit Kerohanian Jabatan Hal Ehwal Pelajar di Kampus Tanah Merah, Jitra dan ke Sintok pada 1990.

Pada tahun 1999, ia telah dinaik taraf menjadi Pusat Islam melalui persetujuan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam Mesyuarat LPU Bilangan 1/99 pada 9 Januari tahun berkenaan.

Beliau menambah pada tahun 2000, Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan pembinaan sebuah Kompleks Pusat Islam dalam Rancangan Malaysia Ke lapan.

Namun begitu projek ini telah ditangguhkan oleh Unit Perancangan Ekonomi (UPEN) bagi mengutamakan pembinaan bangunan akademik.

Akhirnya dalam Rancangan Malaysia Ke sembilan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah merealisasikan impian Pusat Islam dengan membiayai pembinaan kompleks ini yang memulakan kerja pembinaannya pada 10 November 2008.

Kini Kompleks bernilai RM6,525,680.70 juta yang siapkan pembinaannya pada akhir 2010 telah beroperasi pada Januari 2011 sebagai pejabat pentadbiran Pusat Islam yang baru menggantikan pejabat lamanya di Masjid Sultan Badlishah.

Kompleks yang dibina berhadapan dengan Masjid Sultan Badlishah UUM walaupun terpisah secara fizikal, namun laluan berbumbung yang dibina tetap menjadi lambang hubungan erat antara Kompleks Pusat Islam dan Masjid Sultan Badlishah.

Sekaligus melambangkan perkaitan yang amat rapat antara peranan Pusat Islam dengan masjid.

Mengambil kira kemuliaan masjid sebagai sebuah institusi terpenting dalam Islam, kedudukan aras tapak kompleks Pusat Islam dibina tidak melebihi aras masjid sedia yang ada dan rekaan kompleks ini dipengaruhi oleh seni bina masjid yang sedia ada selain daripada seni bina Islam dari Asia Tengah.

Kompleks ini memiliki tiga kubah, iaitu satu kubah utama yang diapit dua kubah kecil dan rekaan kubah-kubah itu mengambil konsep seni bina kubah India, Anatolia, Arab, Sepanyol dan Afrika Utara.

Selain itu, asas reka bentuk seni bina kompleks ini berilhamkan reka bentuk Masjid Zahir, satu daripada mercu tanda bandaraya Alor Setar.